



Jun  
2017

# Ketibaan di Australia

Biosekuriti



## Biosekuriti Australia

Haiwan dan tumbuh-tumbuhan hidup, bahan tanaman, produk-produk haiwan dan makanan tertentu dari luar negara boleh membawa masuk beberapa serangga perosak dan penyakit-penyakit yang serius ke Australia, menghancurkan industri pertanian dan pelancongan yang berharga dan persekitaran kami yang unik.

Jabatan Pertanian dan Sumber Air, bekerjasama dengan kerajaan negeri dan wilayah, industri dan masyarakat lain, untuk mengekalkan bekalan makanan yang bersih dan sihat di Australia – di dalam dan luar negara. Sistem biosekuriti Australia melindungi kesihatan manusia, haiwan dan tumbuhan kita dengan mengurangkan risiko ancaman haiwan perosak dan penyakit-penyakit tidak diingini yang masuk ke dalam negara ini. Kita semua mendapat faedah daripada sistem biosekuriti yang kukuh, oleh itu kita semua mempunyai peranan untuk dimainkan.

## Isytiharkannya

Anda akan diberikan Kad Penumpang Masuk sebelum anda tiba di Australia. Anda mesti mematuhi keperluan untuk memberikan maklumat ini. Memberi maklumat yang palsu atau mengelirukan adalah satu kesalahan yang serius.

Anda mesti menandakan **YA** pada kad anda jika anda membawa barangan yang boleh menimbulkan risiko biosekuriti. Barangan ini termasuk bahan tanaman, produk-produk haiwan dan makanan tertentu.

Pegawai biosekuriti Jabatan Pertanian dan Sumber Daya Air boleh memeriksa barangan yang diisytiharkan semasa pelepasan sempadan anda.

Pegawai biosekuriti boleh memeriksa bagasi anda, meskipun anda tidak mengisytiharkan apa-apa barangan. Mereka boleh menggunakan X-ray atau anjing pengesanan. Anda mesti mengisytiharkan atau melupuskan apa-apa barangan yang mempunyai risiko biosekuriti sebelum pemeriksaan. Jika anda tidak berbuat demikian atau membuat pengisytiharan palsu pada Kad Penumpang Masuk, anda:

- anda akan ditangkap
- boleh dikenakan hukuman sivil
- boleh didakwa, didenda lebih daripada A\$420,000 dan dipenjarakan sehingga 10 tahun dan mendapat rekod jenayah.

Anda tidak akan didenda di bawah *Akta Biosekuriti 2015* jika anda mengisytiharkan **semua** barangan, walaupun barangan itu tidak dibenarkan masuk ke Australia.

## Para penumpang penerbangan domestik di dalam penerbangan antarabangsa

Barangan anda mungkin telah terdedah kepada pesawat atau barangan yang tertakluk kepada kawalan biosekuriti. Ini boleh menjejaskan tahap risiko biosekuriti yang berkaitan dengan barangan anda. Jika anda membawa makanan atau barangan lain yang menimbulkan kebimbangan biosekuriti, barangan tersebut boleh dinilai.

Barangan yang memperlihatkan tahap risiko biosekuriti yang tidak boleh diterima, tanpa mengira tempat asalnya, boleh tertakluk kepada aktiviti pengurusan biosekuriti.

## Apa yang berlaku kepada barangan yang anda isytiharkan?

Barangan akan diperiksa oleh pegawai biosekuriti yang akan menentukan tahap risiko biosekuriti yang berkaitan dengan barangan tersebut. Anda mungkin dikehendaki memberikan maklumat atau dokumen untuk membolehkan pegawai biosekuriti menentukan risikonya. Dalam banyak kes, barangan yang anda isytiharkan adalah berisiko rendah dan pegawai biosekuriti akan memulangkannya kepada anda selepas pemeriksaan. Walau bagaimanapun, apa-apa barangan yang boleh menimbulkan tahap risiko biosekuriti yang tidak boleh diterima akan diuruskan mengikut *Akta Biosekuriti 2015*

Bergantung kepada risiko, anda mungkin:

- membayar untuk item yang hendak dirawat (contohnya pengasapan, penyinaran gamma)\*
- membayar untuk mengesport barangan tersebut dari Australia, atau
- memusnahkan barangan tersebut

Dua pilihan pertama adalah tertakluk kepada yuran dan keadaan khas yang mungkin diguna pakai.

Jabatan Pertanian dan Sumber Air membuat segala usaha untuk mengurangkan risiko kerosakan akibat daripada rawatan, tetapi tidak menanggung liabiliti bagi sebarang kerosakan yang mungkin berlaku kepada barangan anda semasa rawatan atau eksport.

Anda mungkin boleh memohon permit import (dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian dan Sumber Daya Air sebelum ketibaan anda) untuk barangan tersebut. Permit import boleh dikeluarkan tertakluk kepada syarat-syarat. Jika anda mempunyai permit import untuk barangan tersebut, pegawai biosekuriti akan menilai sama ada pengimportan mematuhi terma dan syarat permit import.

Beberapa negeri dan wilayah melarang kemasukan buah-buahan segar dari bahagian Australia yang lain.

## Semasa ketibaan

Anda mesti mengisytiharkan makanan tertentu, bahan tanaman dan produk haiwan. Senarai contoh ini tidak lengkap.

### Makanan

- snek dan makanan penerbangan
- makanan dan ramuan-ramuan yang telah dimasak atau masih mentah yang disediakan secara komersial
- buah-buahan dan sayur-sayuran kering
- mi atau nasi segera
- hidangan-hidangan yang telah dibungkus
- herba dan rempah-ratus
- herba dan ubat tradisional, ubat, tonik dan teh herba
- kudapan
- madu dan produk lebah lain

### Produk-produk tenusu dan hasil telur

- susu formula bayi
- produk tenusu (segar atau bentuk serbuk) termasuklah susu, keju dan krim 'bukan tenusu'
- telur lengkap, dikeringkan dan serbuk, dan produk-produk telur, seperti mayonis
- produk-produk telur termasuklah mi dan pasta yang tidak dikeluarkan secara komersial

### Produk-produk daging, ayam dan makanan laut

- daging termasuklah daging segar, dikeringkan, dibekukan, dimasak, disalai, bergaram atau diawet-dari semua spesis haiwan
- sosej, salami dan hirisan daging
- produk-produk ikan dan makanan laut lain

### Biji-bijian dan kacang

- bijirin, jagung pop, kacang mentah, kon pain, biji-bijian burung, biji-bijian dan perhiasan yang merangkumkan biji benih

### Buah-buahan dan sayur-sayuran segar

- semua buah-buahan dan sayur-sayuran yang segar atau dibekukan

### Bahan daripada tumbuhan

- tumbuh-tumbuhan hidup termasuk dahan
- Teh mengandungi biji, kulit (contohnya kulit buah sitrus dan epal) dan kepingan buah-buahan
- jamu dan ubat yang mengandungi herba, biji-bijian, kulit kayu, kulat dan bahan tumbuhan kering
- gubahan bunga segar atau kering dan "potpourri"
- herba dan daun kering
- kraftangan—termasuklah kalungan bunga dan hiasan
- Krismas — yang mengandungi biji-bijian, kacang mentah,
- jagung, kon pain, pokok anggur, kulit kayu, lumut, jerami atau bahan tumbuhan lain
- item-item kayu

## Haiwan-haiwan hidup dan produk-produk haiwan

- semua mamalia, burung, telur dan sarang burung, ikan, reptilia, amfibia dan serangga
- bulu pelepah, tulang, tanduk, gading, bulu biri-biri dan bulu haiwan
- kulit, belulang dan bulu haiwan
- haiwan dan burung disumbat (sesetengah mungkin dilarang di bawah undang-undang spesis terancam)
- cengkerang dan batu karang (termasuk barangan kemas dan cenderamata)
- lilin lebah dan produk lebah yang lain
- peralatan haiwan yang telah digunakan termasuklah peralatan dan ubat-ubatan veterinar, peralatan ricih atau daging perdagangan, peralatan dan jelujur untuk kuda dan haiwan atau sangkar-sangkar burung
- makanan haiwan peliharaan - termasuk produk-produk dalam tin dan kunyahan kulit mentah
- bahan mentah dan kraftangan termasuk gendang.

### Item-item lain

- spesimen biologi termasuk kultur tisu
- tali kraf dan hobi yang diperbuat daripada bahan haiwan atau tumbuhan
- peralatan sukan dan perkhemahan yang digunakan termasuk khemah, kasut, but mendaki, peralatan golf dan basikal (perlu diperiksa untuk memastikan ianya bersih dan bebas daripada pencemaran tanah)
- kenderaan air tawar atau peralatan menangkap ikan yang telah digunakan termasuk joran dan jaring, but wader, kayak, dayung dan jaket keselamatan.

## Syarat-syarat import biosekuriti

Maklumat lanjut boleh didapati daripada Sistem Syarat-syarat Import Biosekuriti (BICON).

## Melaporkan risiko dan pelanggaran biosekuriti

Jika anda menemui serangga, haiwan atau bahan tanaman apabila mengeluarkan bagasi atau barangan anda, laporkan hal ini dengan segera kepada jabatan tersebut dengan menelefon **1800 798 636**.

Anda tidak akan didakwa jika anda secara tidak sengaja telah membawa masuk bahan yang menimbulkan kebimbangan biosekuriti.

Jika anda mengesyaki bahawa seseorang telah melanggar undang-undang biosekuriti, eksport atau pemeriksaan makanan Australia, anda boleh melaporkan maklumat ini kepada jabatan tersebut melalui:

**E-mel:** [enforcement@agriculture.gov.au](mailto:enforcement@agriculture.gov.au)

**Telefon:** 1800 803 006

### Alamat Pos:

Department of Agriculture and Water Resources Redline, Enforcement  
GPO Box 858  
Canberra ACT 2601



Telefon 1800 900 090



[agriculture.gov.au](http://agriculture.gov.au)